

Selangor kekal catat kes harian tertinggi

Sebanyak 1,360 kes baharu dilaporkan dengan dua kematian dalam tempoh 24 jam

KUALA LUMPUR

Malaysia merekodkan sejumlah 1,360 kes baharu Covid-19 pada Khamis dengan dua kematian dalam tempoh 24 jam lepas, kata Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

Beliau berkata, dalam tempoh itu juga, 1,491 kes sembuh menjadikan jumlah kumulatif kes pulih daripada Covid-19 di negara ini sebanyak 322,416 manakala angka keseluruhan kematian kini berjumlah 1,248 orang selain jumlah kes aktif kini ialah 14,504.



DR NOOR HISHAM

“Daripada jumlah kes baharu hari ini (Khamis), 1,359 merupakan kes tempatan melibatkan 1,086 warga tem-

patan dan 273 bukan warga-negara sementara satu lagi adalah kes import,” katanya menerusi akaun rasmi beliau di laman Twitter.

Beliau berkata, sebanyak 157 kes sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dengan 72 individu memerlukan alat bantuan pernafasan.

Dr Noor Hisham turut memaklumkan Selangor kekal mencatat kes harian tertinggi iaitu 356 kes diikuti Sarawak (308), Johor (129) dan Pulau Pinang (113).

“Dua kematian yang dilaporkan hari ini (Khamis) melibatkan seorang lelaki dan

wanita warganegara masing-masing berusia 89 dan 72 tahun dengan latar belakang penyakit kronik.


“Selain itu lapan kluster baharu dikesan melibatkan tujuh kluster tempat kerja dan satu kluster komuniti,” katanya.

Kluster tempat kerja ialah Persiaran Maktab di Selangor, Bandar Sri (Kuala Lumpur), Paloh Rambai (Kelantan), Perusahaan LPK (Kedah), Merinding (Labuan), Putra Satu (Putrajaya) dan Tenegang (Sabah) manakala kluster komuniti ialah Siasai Tamu di Sabah. -Bernama


SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

*Dikemas kini pada jam 12 tengah hari 25 Mac 2021

Bilangan kes Covid-19 mengikut negeri di Malaysia



JUMLAH KES AKTIF



JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI

JUMLAH KESELURUHAN:	PULIH:	ICU:	KEMATIAN:	KES BAHARU	SUDAH DIVAKSIN
338,168	322,416	157	1,248	+1,360	510,976

Jumlah jangkitan Covid-19 di Malaysia semalam meningkat daripada 336,808 kes kepada 338,168 kes

